

# PM: Contohi kerja kontraktor asing

BH 29 NOV 1984

P

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kontraktor-kontraktor tempatan akan dapat bersaing dan memenangi kontrak-kontrak antarabangsa jika mereka mencontohi cara kerja para kontraktor asing yang kini membanjiri negara ini.

Perdana Menteri menekankan kontraktor tempatan supaya tidak melihat hanya aspek negatif kemasukan kontraktor asing, sebaliknya mencontohi sistem binaan dan pengurusan mereka yang baik.

Berucap di majlis makan malam sempena ulangtahun ke-30 Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Malaysia di sini malam ini, beliau berkata, perkembangan dalam bidang pembinaan dengan penyertaan kontraktor-kontraktor dari Timur jika di pandang sc pintas lalu mungkin mc rugikan kontraktor tempatan.

"Tetapi ini adalah sementara sahaja dan saya yakin dengan adanya lebih banyak pembangunan dan kecekapan serta sistem dan kos baru, kontraktor tempatan akan mcndapat lebih banyak peluang dalam peningkatan mendadak industri

pembinaan sekarang," ujarnya.

Di majlis itu Datuk Seri Dr Mahathir dianugerahkan pingat emas Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Malaysia. Presiden persatuan, Datuk Yeoh Tiong Lay menyampaikannya. Selanjutnya, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak suka melihat pengaliran wang ke luar negeri.

Oleh itu, katanya, kerajaan tctap akan memberi layanan yang lebih kepada kontraktor tempatan, terutama Bumiputera jika kos, mutu kerja dan kecekapan mereka hampir sama dengan kon-

traktor asing.

Perdana Menteri berkata, bukan mcjadi dasar kerajaan untuk membiayai orang asing. Kerajaan sanggup rugi sedikit asalkan rakyat sendiri mcndapat nikmat.

"Tctapi janganlah kita lekas menyalahkan kerajaan sebelum kita periksa dengan teliti sesuatu perkara itu dan mcngkaji diri sendiri.

## Bergabung

"Apakah benar tidak ada sedikitpun kebaikan yang tclah bclaku disebabkan penyertaan kontraktor dari Timur walaupun bukan kerana dasar kerajaan?" tanya beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir seterusnya mcnggesa kontraktor-kontraktor tempatan bergabung supaya berupaya bersaing dengan kontraktor asing.

Kerjasama yang lebih erat antara kontraktor bukan Bumiputera dengan Bumiputera adalah salah satu faktor penting bagi mcntentukan keivaaan dan kemniuan di

bidang binaan.

Kepada kontraktor Bumiputera, Perdana Menteri menasihatkan mereka supaya jangan mcjadi kontraktor yang tidak mempunyai pegawai, jurutera dan kakitangan yang digajikan sendiri.

"Janganlah serahkan scmuanya kepada kontraktor kecil sehingga tidak langsung dilihat di tapak pembinaan," tambahna.

Menurut beliau, amalan mcncari jalan senang dengan hanya mcndapat scbcrapa banyak kontrak yang boleh diurus untuk orang lain akan mcngkalkan mereka sebagai mcngurus yang tidak berupaya.

Perdana Menteri berkata, ahli-ahli perniagaan tempatan mcstilah mcmenuhi segala perjanjian dan tidak melakukan penyelewengan. "Jika syarat dan janji diabaikan, kepercayaan planggan akan hilang." Mcnurutnya, tindakan scdemikian bukan sahaja akan mc rugikan pcnisgo yang tcrbabit, tetapi juga akan mcngurangkan kepercayaan orang lain terhadap bangsa dan negara ini.